

1977

58

KUALA LUMPUR, 18 OGOS (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI JAWATANKUASA KHAS MENYIASAT+KRISI POLITIK+NEGERI MELAKA AKAN MENGADAKAN SIDANGNYA SELEPAS SELESAI MENDEENGAR KETERANGAN-KETENGAN DARI KEEMPAT-EMPAT UMNO BAHAGIAN NEGERI TERSEBUT.

JAWATANKUASA TERSEBUT HARI INI MEMULAKAN PENYIASATANNYA DENGAN MEMANGGIL UMNO BAHAGIAN ALOR HAJAH DAN JASIN DI SINI.

JAWATANKUASA KHAS YANG DIKETUAI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN TIGA ORANG LAGI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO DITUBUHKAN MINGGU LALU BERIKUTAN DENGAN SATU MEMORANDUM BEBERAPA ORANG ANGGOTA DEWAN NEGERI TERHADAP PIMPINAN KETUA MENTERI HAJI ABDUL GHANI ALI.

TUJUH DARI LAPAN ORANG ANGGOTA EXCO DIKATAKAN ADALAH ANTARA YANG MENGHANTAR MEMORANDUJ +MENUNTUT PENYINGKIRAN+ HAJI GHANI ALI.

HAJI GHANI ALI KETUA BAHAGIAN ALOR GAJAH TIDA HADIR DALAM PERJUMPAAN TIGA JAM ANTARA BAHAGIANNYA DENGAN JAWATANKUASA KHAS ITU DI IBU PEJABAT UMNO MALAYSIA PAG INI.

SEBALIKNYA ROMBONGAN JAWATANKUASA BAHAGIAN TIU DIKETUAI OLEH TIMBALANNYA HAJI GHANI ISHAK, WAKIL RAKYAT KELEMEN DAN ANGGOTA EXCO. — BERSAMBUNG 1633/1B

EE

B584

UMNO-KRIFIS 2 KUALA LUMPUR

DUA ORANG LAGI WAKIL RAKYAT DALAM ROMBONGAN BAHAGIAN TERSEBUT TIALAH ENCIK JOHARI YUSOF (MASJID TANAH) YANG JUGA ANGGUTA EXCO DAN ENCIK ABDUL RAZAK ALIAS (TABOH NANING).

PETANG INI JAWATANKUASA KHAS TERSEBUT PULA MENDENGAR KETERANGAN JAWATANKUASA BAHAGIAN JASIN YANG DIKETUAI OLEH ANGGUTA PERLIMEN KAWASAN ITU HAJI AHMAD ITHNIN.

ANGGUTA-ANGGUTA YANG LAIN TERMASUK AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN SERKAM ENCIK AZIZ ALIAS, AHLI DEWAN UNDANGAN KAWASAN SUNGEI RAMBAI HAJI AHMAD DAHLAN SALEH, AHLI DEWAN UNDANGAN NYALAS ENCIK SABARUDDIN YAAKUB DAN AHLI DEWAN UNDANGAN AIR PANAS ENCIK HASHIM YUSOF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DUA BAHAGIAN LAGI — KOTA MELAKA DAN BATU BERENDAM, AKAN DIPANGGIL MEMBERI KETERANGAN MASING-MASING BESOK.

KATANYA, JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MENGADAKAN SIDANG SECEPAT MUNGKIN SETELAH SELEPAS MENDENGAR KETERANGAN DARI BAHAGIAN -BAHAGIAN UMNO.

JAWATANKUASA TERSEBUT BERHARAP DAPAT MENYIAPKAN LAPORANNYA DALAM MASA DUA MINGGU KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN SELAKU PEMANGKU PRESIDEN UMNO MALAYSIA. — BERSAMBUNG HM 1652

UMNO-KRISIS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASANYA BELUM ADA RANCANGAN UNTUK MENEMUI KETUA MENTERI HAJI ABDUL GHANI ALI BERHUBUNG DENGAN PENYIASATANNYA.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BELUM ADA SEBARANG KEPUTUSAN DIBUAT UNTUK MEMANGGIL KUMPULAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG MENGHANTAR MEMORANDUM TERSEBUT.

"SEMUANYA BERGANTUNG KEPADA HASIL KETERANGAN-KETERANGAN YANG AKAN DIBERI OLEH BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO."

ANGGOTA JAWATANKUASA KHAS ITU TERDIRI DARI MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK MUSA HITAM DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA DATUK SENU ABDUL RAHMAN. —
BERNAMA HM 1655

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PIHAK JAWATANKUASA KHAS MENYIASAT "KRISIS UMNO NEGERI MELAKA" AKAN MEMBUAT SESUATU "CADANGAN" KEPADA PERDANA MENTERI BAGI MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

BELIAU MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP SELAMA EMPAT JAM DENGAN 22 ORANG WAKIL UMNO BAHAGIAN JASIN DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI HARI INI. KATANYA, ANTARA MEREKA YANG HADIR DI PERJUMPAAN ITU JALAH KETUA BAHAGIAN UMNO JASIN ENCİK AHMAD ITHNIN.

DUA AHLI JAWATANKUASA KHAS YANG TURUT SERTA DI PERJUMPAAN ITU JALAH DATUK MUSA HITAM DAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENGGULAS BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI PERJUMPAAN ITU.

KETUA UMNO BAHAGIAN ITU, ENCİK AHMAD ITHNIN JUGA TIDAK MAHU MEMBUAT SESUATU KENYATAAN KEPADA PARA PEMBERITA.
—BERNAMA HM 1845